

AKTA KETERANGAN 1950

DISEDIAKAN OLEH DEVINA TEO
JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI
SABAH



SETAKATMANA – S 2

Akta ini dipakai bagi segala perbicaraan
Kehakiman didalam atau di hadapan mana
- mana mahkamah tetapi tidak terhadap
afidavit ataupun terhadap proceedings
dihadapan seorang penimbangtara.



Afidavit adalah kenyataan atau deklarasi yang dibuat dengan tulisan serta secara 'ex parte' dengan bersumpah berhadapan dengan seseorang yang mempunyai kuasa untuk mentakbirkan sumpah.



TAFSIRAN – S 3

‘Berkaitan’ erti satu fakta yg dikatakan berkaitan dengan satu fakta lain apabila fakta yg satu itu mempunyai kaitan dengan fakta yg satu lagi.

‘Dokumen’ ertinya apa-apa hal yg dinyatakan, diperihalkan atau digambarkan atau apa-apa benda, bahan, barang atau artikel termasuk apa hal yg terkandung dlm cakera, pita, filem, runut bunyi dan peranti.



'fakta' ertinya apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yg boleh ditanggap dgn pancaindera dan apa-apa keadaan mental yg disedari oleh mana-mana orang.

'komputer' ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat.



SOALAN-SOALAN

1. Dalam perkataan anda sendiri, jelaskan maksud yang berikut :-
 - (a) keterangan primer
 - (b) keterangan sekunder

2004



JAWAPAN

a) **Keterangan primer- rujuk s.62**

- Keterangan primer ertinya dokumen yang asal itu sendiri dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah
- Jika sesuatu dokumen itu disempurnakan dalam beberapa bahagian maka setiap bahagian itu adalah keterangan primer bagi dokumen itu.
- Maka jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam kaunterpart dan setiap kaunterpart itu disempurnakan oleh satu atau beberapa pihak maka setiap kaunterpart itu adalah keterangan primer terhadap pihak yang menyempurnakannya .



- Begitu juga jika sebilangan dokumen kesemuanya dibuat melalui proses yang seragam seperti dalam hal pencetakan, litografi atau fotografi.
- Tetapi jika dokumen itu semuanya salinan dokumen asal yang sama maka dokumen itu bukanlah keterangan primer.
- Akhir sekali sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.



b) Keterangan sekunder- S 63 AK 50

- Keterangan sekunder erti salinan yang diperakui diberi dibawah seksyen ini.
- Jika **salinan** yang dibuat daripada naskhah asal melalui proses mekanikal yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu dan salinan yang dibandingkan dengan salinan itu.
- Salinan yang dibuat atau yang dibandingkan dengan naskhah asal. Juga kaunterpart dokumen terhadap pihak yang tidak menyempurnakan.



- Akhir sekali keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen yg diberi oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu.



Soalan 2

2. Adakah seorang yang sakit otak, seseorang yang gila atau seseorang yang bisu layak untuk memberi keterangan dibawah Akta Keterangan 1950?

(2005)



Jawapan utk soalan No 2. (Rujuk S.118 -(orang gila))

- * Seorang saksi merupakan seseorang yang memberi keterangan testimoni secara lisan dalam sesuatu prosiding Mahkamah.
- * Secara amnya, semua saksi merupakan saksi yang kompetent untuk memberi keterangan kecuali jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yg dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberi jawapan secara rasional kepada soalan-soalan yang diajukan oleh sebab umur mereka ini sangat tua, terlalu muda, berpenyakit, sakit otak dan sebagainya.
- * Seseorang yg mengalami sakit otak atau seorang yang gila tidak dihalang untuk memberi keterangan melainkan jika golongan ini tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka dan mereka tidak dapat memberi jawapan yg rasional kepada soalan tersebut – S 118 AK 1950.



Rujuk s. 119 (1)-(2) (orang bisu)

- (1) Seorang saksi yang bisu boleh memberi keterangannya dengan cara tulisan atau dengan isyarat dengan syarat bahawa tulisan dan isyarat itu diberi dalam mahkamah terbuka.
- (2) Keterangan sedemikian dianggap sebagai keterangan yang diberi secara lisan.



Soalan 3

3. Dibawah undang-undang keterangan siapakah orang-orang yang dianggap 'pakar'? Dalam keadaan yang bagaimanakah mahkamah akan menerima pendapat para pakar ?

(2005)



Jawapan

Rujuk s.45

- Orang-orang yang dianggap 'pakar' adalah apabila seorang itu mempunyai kelulusan formal, latihan formal serta mempunyai pengalaman yg luas dalam sesuatu bidang umpamanya seorang ahli kimia, doktor pakar, pakar tulisan, pakar sains dan sastera, pakar cap jari, pakar undang-undang asing, pakar adat istiadat, pakar psychiatrist, pakar balistik dan sebagainya.
- Selain daripada itu seseorang 'pakar' harus mempunyai 'skill' serta pengetahuan yg luas dalam bidang yang dia memberi keterangan pendapatnya.



- Menurut **Seksyen 45 AK 50** apabila mahkamah perlu mendapatkan bantuan utk membuat sesuatu pendapat atau sesuatu perkara mengenai undang-undang asing, sains atau seni, mengenali tulisan, cap jari, perubatan, penyakit dan sebagainya maka pendapat-pendapat dari orang-orang yang mahir dalam bidang berkenaan itu boleh membantu mahkamah membuat keputusan dengan seadil-adilnya.

Sila maklum bahawa seseorang hakim mahkamah tidak perlu menerima pandangan pakar tetapi hanya membantunya memahami kes tersebut.



Soalan 4

4.

Alex, seorang pembekal perisian komputer telah dituduh di Mahkamah atas kesalahan fraud terhadap salah seorang pelanggannya. Dalam prosiding tersebut Alex telah mengemukakan dokumen yang dihasilkan oleh komputer untuk menyokong kesnya. Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 jelaskan sama ada dokumen tersebut boleh diterima sebagai keterangan di Mahkamah.

(2006)



Jawapan

- (1) Dalam kes jenayah atau kes sivil, apa-apa dokumen yang telah dicetak oleh komputer atau apa-apa kenyataan darinya boleh diterima sebagai keterangan - **S 90A AK 50.**
- (2) Dokumen yang dicetak oleh komputer harus dibuktikan dengan suatu perakuan yang ditandatangani oleh seseorang yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pengendalian komputer tersebut. Dalam perakuan tersebut cukup menyatakan secara prima facie bahawa sepanjang pengetahuan serta kepercayaannya semua hal yang dinyatakan dalam dokumen tersebut tanpa bukti tandatangan.



- Komputer itu mestilah dalam keadaan baik serta beroperasi dengan baik dari segala segi terutama sepanjang tempoh material dimana dokumen itu dihasilkan.
- Dokumen komputer boleh diterima sebagai keterangan sama ada selepas bermula prosiding jenayah, sivil atau penyiasatan berkenaan sesuatu kes.
- Dalam fakta kes ini, Alex merupakan seorang pembekal perisian komputer dan jika beliau mengemukakan dokumen yang dihasilkan oleh komputernya maka menurut Seksyen 90A (7) AK 1950 keterangan tidak boleh diterima dalam prosiding jenayahnya jika beliau bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.(s.90A (7) (a-b).



Soalan 5

5.

Jelaskan apakah yang anda faham dengan Estoppel yg diperuntukan dibawah Akta Keterangan 1950. Berikan beberapa contoh berdasarkan apa yg digaris oleh Akta tersebut. Apakah ada apa-apa pengecualian daripadanya ? Nyatakan.

(2007)



Jawapan

Rujuk s. 115

'Estoppel' erti untuk memberhentikan. Ia merupakan syarat keterangan atau undang-undang yang mencegah seseorang daripada menafikan kebenaran sesuatu kenyataan yg telah dibuat atau menafikan fakta yg telah dikatakan wujud- S 115 AK 1950.

Penafian itu mungkin telah dilakukan untuk seseorang yang ingin mengambil kesempatan keatas estoppel atau kedudukannya mungkin akan ubah.

Terdapat berbagai jenis estoppel.

1. Estoppel melalui kelakuan timbul apabila pihak yg estoppel telah membuat kenyataan atau membuat pihak lain mempercayai fakta tertentu.



2. Estoppel melalui surat ikatan mencegah seseorang yang telah mengesahkan surat ikatan daripada mengatakan bahawa fakta-fakta yang dicatatkan dalam surat ikatan adalah tidak benar.
3. Estoppel melalui rekod mencegah seseorang daripada menimbulkan semula persoalan yg telah res judicata (contohnya yg telah ditetapkan keatasnya dlm prosiding undang-undang yang terdahulu.
4. Misalan: Bernard merupakan tuan tanah dan memberi keizinan kepada Ali telah mendirikan rumah ditapak lotnya. Lalu Ali mendirikan rumahnya diatas tanah Bernard. Dengan ini Bernard atau penggantinya tidak dibenarkan untuk membuang Ali.



Ada pengecualian dlm estoppel yaitu :-

Penyewa tanah atau orang yg menuntut hak sewaan itu dalam tempoh sewaan tidak boleh menafikan hakmilik tuan tanah tersebut sepanjang waktu sewaanya.



Soalan 6.

6.

Rosma telah dipanggil untuk menjadi saksi didalam perbicaraan kes jenayah. Ketika disoal-siasat didalam perbicaraan tersebut, dia enggan untuk menjawab satu soalan yg pada pendapatnya akan mendedahkannya kepada satu kesalahan. Dia juga bimbang jika dia menjawab soalan itu dia akan didakwa di mahkamah atas kesalahan tersebut. Peguamnya juga membantah soalan tersebut. Walaubagaimanapun, hakim yang mendengar kes itu telah meminta Rosma untuk menjawabnya kerana menurut hakim soalan tersebut adalah relevan. Bolehkah Rosma mengelak dari menjawab soalan tersebut. Apakah tugas hakim didalam keadaan ini? Bincangkan dengan merujuk kepada Akta keterangan 1950.

(2003)



Jawapan (rujuk s.132)

- Seseorang saksi tidak boleh dikecualikan daripada menjawab apa-apa soalan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan persoalan dalam mana-mana guaman atau prosiding sivil atau jenayah atas alasan bahawa jawapan kepada soalan itu akan melibatkannya dalam jenayah ataupun apa-apa penalti atau perlucuthakanya – S 132 AK 50.
- Jawapan yang dipaksa beri oleh saksi ini kepada mahkamah tidak boleh menyebabkan saksi ini ditangkap ataupun didakwa kecuali kalau ia memberi keterangan palsu melalui jawapannya itu.
- Jika peguam saksi yang mengarahkan saksinya untuk menjawab sesuatu soalan kecenderungannya yang akan membawa kepada prosiding jenayah terhadapnya maka saksi tersebut tidak ada imunitinya terhadap jawapan yang diberi dimahkamah.



Soalan 7

7.

Dengan merujuk kepada Akta keterangan 1950, terangkan secara ringkas istilah 2 berikut:-

- a) Pengakuan; dan (admission)
- b) Pengakuan bersalah (confession)

(2000)



Jawapan

a) Pengakuan (admission) –S 17 AK 50

Pengakuan boleh dibuat dlm kes sivil dan jenayah.

Pengakuan ialah suatu pernyataan sama ada lisan atau dokumen yang menyarankan apa-apa inference mengenai sesuatu fakta persoalan atau mengenai sesuatu fakta berkaitan yang dibuat oleh mana-mana orang dan dalam keadaan yang disebutkan.



b) Pengakuan (Confession) – S 17 AK 50

Pengakuan salah hanya boleh digunapakai dalam kes jenayah. Pengakuan adalah kenyataan yang dibuat secara lisan atau suratan tentang satu fakta yang menjadi persoalan ataupun tentang fakta yg berkaitan dengan sesuatu kes. Pengakuan dibuat bila-bila masa oleh seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan dimana ia menyatakan bahawa dia telah melakukan kesalahannya- **S 17 (2) AK 50.**



Soalan 8

8.

Dengan menggunakan perkataan anda sendiri, apakah fahaman anda tentang istilah 'Beban Membuktikan'.



Jawapan(Rujuk s.101)

- Sesiapa yang berkehendakkan mahkamah memberi penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti disisi undang-undang dengan bergantung pada fakta-fakta yang ditegaskan olehnya maka ia harus membuktikan adanya fakta-fakta itu.
- Apabila seseorang terikat utk membuktikan adanya sesuatu fakta, maka adalah dikatakan bhw beban bukti terletak pada orang itu- **S 101 AK 50.**

Contohnya, **A** berkehendakkan mahkamah memberi Penghakiman supaya **B** dihukum kerana suatu jenayah yang dikatakan oleh **A** telah dilakukan oleh **B**. Maka **A** mesti membuktikan bahawa **B** telah melakukan jenayah itu.

Beban bukti di dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada langsung keterangan diberi oleh mana-mana pihak - **S 102 AK 50**.

Contohnya, **A** mendakwa **B** utk mendapatkan tanah yang ada dalam milik **B** dan yg sebagaimana ditegaskan oleh **A** telah diberi kepada **A** menurut wasiat **C** iaitu bapa **B**.

Sekiranya tiada apa-apa keterangan diberi oleh mana-mana pihak, maka **B** akan berhak memiliki.

Oleh yang demikian beban bukti dikatakan terletak pada **A**.



Begitu juga beban bukti mengenai sesuatu fakta tertentu terletak pada orang yg berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang adanya fakta itu melainkan jika diperuntukkan oleh mana-mana undang bahawa bukti mengenai fakta itu terletak pada mana-mana orang tertentu- S 103 AK 50.

Contohnya **A** mendakwa **B** mencuri dan hendakkan mahkamah mempercayai bahawa **B** telah mengaku kepada **C** yg dia telah mencuri. **A** mesti membuktikan pengakuan itu.

B berkehendakkan mahkamah mempercayai bahawa pada masa berkenaan itu dia berada di suatu tempat lain. Dia mestilah membuktikannya.



Soalan 9 - Dengan merujuk Akta Keterangan 1950, jelaskan kebolehterimaan dokumen yang dihasilkan oleh komputer sebagai bukti dalam kes sivil.

Jawapan:- s.90A (1)-(7)

Soalan 10 - Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950, bincangkan dan berikan contoh mengenai fakta persoalan dan kategori umum mengenai fakta berkaitan.

Jawapan- (a) contoh fakta persoalan rujuk seksyen 5 (misalan)

(a) A dibicarakan kerana membunuh B dengan memukulnya dengan tongkat dengan niat hendak menyebabkan kematiannya.

Dalam perbicaraan A, fakta yang berikut menjadi persoalan:

A menyebabkan kematian B dengan pukulan itu; dan niat A hendak menyebabkan kematian B.



(b) A, suatu pihak dalam suatu guaman, tidak mematuhi notis yang diberikan oleh B, pihak yang satu lagi, supaya mengemukakan suatu dokumen yang disebut dalam pliding A untuk diperiksa oleh B. Seksyen ini tidak membolehkan A menggunakan dokumen itu sebagai keterangan bagi pihaknya dalam guaman itu, selain mengikut syarat yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara sivil.

(c) Jawapan untuk contoh fakta berkaitan – Rujuk s.6 (misalan)

A dituduh membunuh B dengan memukulnya. Apa-apa jua yang telah dikatakan atau dilakukan oleh A dan B atau oleh orang yang berada di situ pada masa B dipukul atau sejurus sebelum atau selepasnya sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi itu adalah suatu fakta berkaitan.



Soalan 11 - Apakah yang dimaksudkan dengan keterangan sekunder dan dalam kes apa keterangan sekunder berkenaan boleh diberikan di Mahkamah sebagai bukti mahkamah sebagai bukti

Jawapan -rujuk s. 63

- (1) Keterangan sekunder termasuk salinan diperakui yang diberikan di bawah peruntukan yang terkandung kemudian daripada ini;
- (2) Salinan yang dibuat daripada naskah asal melalui proses mekanikal, yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu, dan salinan yang dibandingkan dengan salinan itu,



- (3) Kaunterpart dokumen daripada pihak yang tidak menyempurnakannya.
- (4) Keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen yang diberikan oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu atau menanggapinya sendiri dengan apa jua cara.



Soalan 12 - Apakah soalan memimpin dan terangkan pemakaian soalan memimpin di mahkamah?

Jawapan-rujuk s.141 (Apakah soalan memimpin)

- Apa-apa soalan yang menyarankan jawapan yang hendak atau yang dijangka akan didapati oleh orang yang mengemukakannya atau apa-apa soalan yang menyarankan fakta yang dipertikaikan yang tentangnya saksi itu dikehendaki memberikan keterangan, disebut soalan memimpin.
- Jawapan -rujuk s. 142 & 143 (pemakaian soalan memimpin di mahkamah) 2 kategori
- (1) soalan memimpin tidak boleh dipakai jika dibantah oleh pihak menentang, ditanya dalam pemeriksaan utama atau dalam pemeriksaan semula kecuali dengan kebenaran makamah



- ◉ Mahkamah hendaklah membenarkan soalan memimpin tentang perkara permulaan atau yang tidak dipertikaikan, atau perkara yang pada pendapatnya telah terbukti dengan secukupnya.
- ◉ Soalan memimpin boleh ditanya jika soalan itu tidak mengandungi perkataan yang saksi itu dikehendaki memperkatakan balik dan
- ◉ Soalan itu tidak boleh menganggap fakta yang belum terbukti telah terbukti, atau menganggap bahawa jawapan tertentu telah diberikan berlawanan dengan fakta itu.
- ◉ Mahkamah boleh menurut budi bicaranya melarang soalan memimpin sekiranya menunjukkan kecenderungan berat sebelah.



◉ **Soalan 13 – Bincangkan kebolehterimaan keterangan dokumen dalam kes-kes sivil dan terangkan maksud dokumen persendirian**

Jawapan- rujuk s.73A (1)-(3) (kebolehterimaan dokumen dalam kes sivil

Sesuatu fakta atau dokumen boleh diterima jika syarat seperti di s,73A (1) (a)

- (1) orang yang membuat pernyataan itu mengetahui sendiri tentang perkara yang diperkatakan; atau
- (2) jika dokumen yang berkenaan itu menjadi sebahagian daripada rekod yang berterusan dan telah dianggap mengetahui sendiri tentang perkara itu dan
- (3) jika orang itu dipanggil untuk menjadi saksi dalam prosiding itu - tetapi jika orang yang hendak menjadi saksi telah mati atau mentalnya tidak layak menjadi saksi.



Maksud dokumen persendirian (rujuk s. 75)
(s. 75 merujuk kepada s.74)

Segala dokumen selain dokumen yang disebut dalam seksyen 74 ialah dokumen persendirian.

Soalan 13:

Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950, terangkan yang berikut

- (1) Dokumen Awam – rujuk s.74
- (2) Beban membuktikan dan – rujuk s.101
- (3) Estoppel – rujuk s. 115



Sekian, Terima Kasih

